



GARIS PANDUAN

'Clear Desk, Clear Screen'

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi kesedaran tentang amalan 'Clear Desk, Clear Screen' seperti yang digariskan dalam Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (DKICT) UKM.

2.0 LATARBELAKANG

'Clear Desk, Clear Screen' perlu diamalkan bagi memastikan:

- a) Kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat university dilindungi dengan baik.
- b) Pengurangan risiko berlakunya insiden keselamatan disebabkan oleh kecurian maklumat atau capaian tidak sah kepada aset ICT universiti.

3.0 SKOP

Garis panduan ini perlu dipatuhi oleh semua kakitangan dan mana-mana individu yang diberi kebenaran akses kepada aset ICT atau maklumat universiti.

4.0 CLEAR SCREEN

Langkah keselamatan berikut perlu dipatuhi apabila meninggalkan ruang kerja atau tidak menggunakan komputer:

- a) Pastikan tiada dokumen atau maklumat sensitif dipaparkan di skrin komputer.
- b) Log keluar daripada aplikasi seperti Sistem Maklumat Universiti dan E-mel setelah selesai penggunaan.
- c) Setkan komputer kepada *Sleep Mode* atau setkan *screen saver* bersama kata laluan apabila komputer tidak aktif untuk tempoh melebihi 3 – 10 minit. Selain itu, skrin boleh dikunci dengan mudah menggunakan Ctrl/Alt/Del atau kekunci Windows + 'L' bagi Windows OS atau Control/Shift/Power bagi Mac OS.
- d) Matikan komputer selepas waktu bekerja kecuali atas keperluan tugas rasmi.

5.0 CLEAR DESK

Langkah keselamatan berikut perlu sentiasa dipatuhi :

- a) Perkakasan/Peranti (contoh: komputer riba, pemacu kilat) dan dokumen sulit mestilah disimpan dengan selamat. (contoh: dalam kabinet berkunci)
- b) Maklumat sensitif atau sulit tidak dibiarkan terdedah. (contoh: menampal kata laluan pada monitor komputer)
- c) Dokumen yang mengandungi maklumat sulit perlu dirincih terlebih dahulu sebelum dibuang.
- d) Tidak meninggalkan cetakan dokumen sulit pada mesin pencetak.

6.0 PEMATUHAN

- a) Semua pengguna ICT UKM bertanggungjawab untuk mengambil langkah yang sewajarnya seperti yang digariskan dalam dokumen ini.
- b) Tindakan boleh dikenakan kepada mana-mana individu yang didapati secara cuai mengendalikan maklumat sensitif universiti sehingga berlakunya insiden kecurian/kebocoran maklumat.